

26 JUN 1997

Khalil-MEC

TANAH BAGI PROJEK MEC BUKAN DIBERIKAN PERCUMA, KATA KHALIL

KUANTAN, 26 Jun (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob hari ini berkata kawasan seluas 1,213.8 hektar bagi projek Malaysia Electric Corporation (MEC) di zon perindustrian Gambang di sini bukan diberikan percuma kepada pemaju projek itu.

Sebaliknya pemaju itu dikenakan bayaran tertentu menurut kadar bagi tanah pertanian dan usaha kini dijalankan bagi menuntut bayaran menurut kadar tanah industri setelah penukaran syarat tanah dilakukan, katanya selepas meminjau kemajuan pembinaan projek Bandaraya MEC di sini.

Beliau juga menafikan dakwaan sesetengah pihak bahawa kerajaan negeri turut memberikan kelulusan membalak dengan jumlah keluasan yang sama dengan tapak projek itu kepada pemaju terbabit.

Katanya, sebahagian besar tapak bagi projek MEC merupakan bekas lombong yang terbiar manakala kawasan yang diliputi hutan pula tidak sampai 323.7 hektar.

Bandaraya MEC merupakan pusat perniagaan bandar moden dengan kemudahan komunikasi canggih dan pusat sehenti pembeli-pembeli luar negara bagi peralatan elektrik rumah buatan Malaysia.

Ia dibangunkan dengan pelaburan berjumlah RM4,000 juta dan akan disiapkan dalam lima fasa bagi tempoh antara 10 hingga 15 tahun. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah melancarkan projek itu pada 17 Mac lepas.

Khalil berkata kerajaan Pahang akan terus memberi kerjasama bagi memastikan kejayaan pembangunan projek itu dan sehingga kini, 364.1 hektar telah dibuka dengan 242.8 hektar dibangunkan dengan bangunan-bangunan kilang, pejabat dan perumahan.

Sejak Mei lepas, pendingin hawa telah mula dikeluarkan dengan kapasiti kira-kira 1 juta unit sebulan manakala mulai Ogos ini, peti ais dan kipas angin akan dikeluarkan dengan kapasiti masing-masing 500,000 unit dan 1.2 juta unit sebulan.

Khalil juga meminta MEC memasukkan aspek pengwujudan usahawan kelas menengah Bumiputera menerusi program vendor dalam Pelan Induk Pembangunannya.

Katanya, kerajaan negeri ingin menggalakkan penduduk tempatan supaya membabitkan diri dalam program vendor itu yang hanya dibuka kepada pengusaha luar sekiranya penduduk tempatan tidak berkemampuan untuk menjayakannya.

Kerajaan Pahang memegang ekuiti 10 peratus dalam MEC selain KLIH Holdings (60 peratus) dan Khazanah Nasional (30 peratus). -- BERNAMA

ROS NMO